



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN TEKNIK DAN INTERVENSI KAUNSELING DALAM  
MENANGANI PELAJAR BERISIKO DI SEKOLAH MENENGAH***

***MUNIRAH BINTI AHMAD KAMIL***

**FPP 2013 79**



**PENGUNAAN TEKNIK DAN INTERVENSI KAUNSELING DALAM  
MENANGANI PELAJAR BERISIKO DI SEKOLAH MENENGAH**

Oleh


**MUNIRAH BINTI AHMAD KAMIL**

**Tesis Dikemukakan ke Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai Memenuhi Syarat Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Februari 2013**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGGUNAAN TEKNIK DAN INTERVENSI KAUNSELING DALAM  
MENANGANI PELAJAR BERISIKO DI SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

**MUNIRAH BINTI AHMAD KAMIL**

**Februari 2013**

**Penyelia : Wan Marzuki Wan Jaafar, PhD, KB, PA**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian deskriptif tinjauan ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan teknik dan intervensi kaunseling yang digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling dalam menangani pelajar berisiko di sekolah menengah dengan memberi fokus pada dua aspek iaitu teknik berasaskan teori kaunseling dan kaedah intervensi bagi pelajar berisiko. Seramai 140 orang guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah di Selangor terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan ialah Inventori Penggunaan Teknik dan Intervensi Kaunseling (IPTIK) yang dibina sendiri oleh pengkaji selari dengan tujuan kajian. Inventori ini mempunyai nilai kesahan kandungan di antara .79 hingga .88 manakala nilai kebolehpercayaan keseluruhan ialah .969. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian telah memberikan bukti empirikal tentang penggunaan secara sangat kerap bagi teknik mendengar secara aktif (66.4%) dan tahap penggunaan yang tinggi bagi pendekatan kognitif (min=3.56, sp=.760). Di samping itu, dapatan kajian turut membuktikan penggunaan secara sangat kerap bagi kaedah bimbingan individu (60.7%) dan tahap penggunaan yang tinggi bagi kaedah intervensi secara individu (min=4.18, sp=.655) dalam intervensi kaunseling yang dijalankan oleh guru bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berisiko. Dapatan kajian juga telah mengenalpasti lima masalah disiplin yang paling banyak pernah ditangani oleh guru bimbingan dan kaunseling dengan masing-masing mencatatkan 99.3% iaitu menghisap rokok, mengganggu pengajaran dan pembelajaran, tidak menghormati guru, bermain dalam kelas dan ponteng sekolah. Kesimpulannya, intervensi kaunseling bagi pelajar berisiko telah dilakukan secara komprehensif demi membantu perkembangan sendiri dan mengubah tingkah laku mereka sekaligus dapat mengurangkan masalah disiplin di sekolah dengan mengaplikasikan teknik berasaskan teori kaunseling dan kaedah intervensi yang tertentu. Hal tersebut adalah selari dengan Teori Pembelajaran Sosial yang mengambil kira peranan kognitif dalam pembentukan tingkah laku seseorang remaja selain menjelaskan bahawa tingkah laku manusia ialah akibat daripada pengaruh interaksi antara kognitif, persekitaran dan perlakuan manusia lain. Justeru, dapatan kajian ini

telah memberikan input kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam intervensi kaunseling bagi pelajar berisiko di sekolah menengah.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**USE OF TECHNIQUES AND COUNSELING INTERVENTION IN  
ADDRESSING AT-RISK STUDENTS IN SECONDARY SCHOOL**

By

**MUNIRAH BINTI AHMAD KAMIL**

**February 2013**

**Chairman : Wan Marzuki Wan Jaafar, PhD, KB, PA**  
**Faculty : Educational Studies**

This exploratory descriptive study aim to identify the use of techniques and counseling intervention by guidance and counseling teacher in addressing at-risk student in secondary school, by focusing on two aspects which are technique based on counseling theory and intervention method for at-risk students. One hundred and forty guidance and counseling teachers in secondary school in Selangor were involved in this study. A self-build instrument based on the purpose of the study called Use of Techniques and Counseling Intervention Inventory (IPTIK) was employed. The content validity of this inventory is between .79 to .88, while the overall reliability is .969. The data was then analyzed by using descriptive statistics consists of mean, standard deviation, frequency and percentage. This study provide empirical evidence of the frequent use of active listening technique (66.4%) and high level of usage of cognitive approach (mean=3.56, sd=.760). In addition, the findings also prove the frequent use of the individual guidance method (60.7%) and high level of usage for individual intervention method (mean=4.18, sd=.655) in the counseling intervention conducted by guidance and counseling teachers to the at-risk students. The findings also have identified five disciplinary problems which were handled frequently (99.3%) by guidance and counseling teachers which are smoking, disturbing the teaching and learning process, disrespectful to teachers, playing in the class and truancy. In conclusion, counseling intervention for at-risk students was done comprehensively in order to assist the development of self and change their behaviour, thus helping to reduce school discipline problems by applying particular techniques based on counseling theory and intervention methods. This is in line with the Social Learning Theory that takes into account the cognitive role in the formation of young's people behaviour, and explain that human behaviour is the result of the influence of the interaction between cognitive, environment and other human behaviour. Therefore, this study has provided input to various parties involved directly or indirectly in the counseling intervention for at-risk students in secondary schools.

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t. serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan kajian dan menyempurnakan penulisan tesis ini. Sesungguhnya perjalanan ini penuh dengan pengajaran dan pengalaman yang tidak ternilai buat saya. Untuk itu, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Dr. Wan Marzuki Wan Jaafar, penyelia dan pembimbing yang banyak bersabar dan tidak jemu memberi dorongan, tunjuk ajar serta sentiasa meluangkan masa untuk perbincangan, menyemak dan menilai kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dr. Maznah Baba atas komitmen, teguran, cadangan dan sokongan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Istimewa buat Profesor Dr. Othman Dato' Haji Mohamed, jasa dan budimu tidak mampu dibalas dan akan kukenang buat selamanya, terima kasih kerana memberi peluang ini.

Terima kasih juga kepada semua yang memberi kerjasama dan terlibat dalam kajian ini secara langsung ataupun secara tidak langsung khususnya buat panel pengesahan instrumen kajian, guru-guru bimbingan dan kaunseling di Selangor, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Selangor, pihak pentadbiran sekolah, pensyarah-pensyarah kaunseling serta semua kakitangan akademik dan sokongan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia dalam membolehkan kajian ini dijalankan dengan jayanya.

Buat emak dan abah tercinta yang telah banyak bersusah-payah dalam mengiringi langkah kehidupan anakmu ini, Encik Ahmad Kamil Mohd Ariff dan Puan Rohani Jusoh, adik-beradik (Nurhayati, Muhammad Musyrif, Muhammad Anwar, Muhammad dan Muhammad Syafiq) dan ahli keluarga, terima kasih yang tidak terhingga atas kesabaran, pengorbanan dan doa restu kalian. Ucapan terima kasih juga dirakamkan khas buat insan tersayang, Jafly Hj. Jaapar yang telah banyak berkorban, bersabar dan tidak pernah jemu memberikan sokongan serta jutaan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Hj. Jaapar Johar dan Hj. Fauziah Ali atas titipan doa yang tidak pernah putus.

Seterusnya dengan penuh rasa takzim saya ucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya kepada Puan Saptuyah Barahim, Cik Nur Hafizah Mohd Ali, Encik Jafny Hj. Jaapar dan isteri, Puan Rohani Hj. Idris, Dr. Rakesh Sharma, Puan Kamariah Derasol, Puan Hidayah Roslan, Puan Roshafiza Hassan, Cik Zuraini Jusoh dan Puan Endang Pertiwi Saily serta kepada semua pihak yang berkenaan yang telah banyak memberi dorongan, semangat, bantuan, kerjasama dan sokongan dalam meniti hari-hari yang sukar dan meraikan hari-hari yang indah bersama. Kalian adalah sumber inspirasiku dan hanya Allah yang mampu membalas segala kebaikan yang kalian berikan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Wan Marzuki Wan Jaafar, PhD, KB, PA**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Maznah Baba, PhD, KB, PA**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.3.1 Objektif Umum	6
1.3.2 Objektif Khusus	6
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Limitasi Kajian	8
1.7 Definisi Konsep dan Operasional	9
1.7.1 Teknik Berasaskan Teori Kaunseling	9
1.7.2 Kaedah Intervensi bagi Pelajar Berisiko	10
1.7.3 Masalah Disiplin Pelajar Berisiko	10
1.7.4 Pelajar Berisiko	11
1.7.5 Guru Bimbingan dan Kaunseling	11
1.8 Ringkasan	12
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>13</b>
2.0 Pendahuluan	13
2.1 Kajian Lepas Berkaitan Masalah Disiplin Pelajar Berisiko	13
2.2 Kajian Lepas Berkaitan Intervensi Kaunseling	19
2.3 Kajian Lepas Berkaitan Teknik Berasaskan Teori Kaunseling	27
2.4 Pendekatan Teori	34
2.4.1 Pendekatan Psikoanalitik	36
2.4.2 Pendekatan Tingkah Laku	36
2.4.3 Pendekatan Humanistik	37
2.4.4 Pendekatan Kognitif	38
2.4.5 Teori-Teori Pembelajaran	38
2.4.6 Teori Pembelajaran Sosial	40
2.4.7 Model Komprehensif Kaunseling Sekolah	43

2.5	Kerangka Teoritikal Kajian	45
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	47
2.7	Ringkasan	48
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>50</b>
3.0	Pendahuluan	50
3.1	Reka Bentuk Kajian	50
3.2	Lokasi Kajian	51
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	52
	3.3.1 Penentuan Saiz Sampel	52
	3.3.2 Teknik Persampelan	55
3.4	Instrumen Kajian	56
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	60
3.6	Kajian Rintis	61
3.7	Prosedur Kajian	63
3.8	Penganalisan Data Statistik	65
3.9	Ringkasan	65
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>66</b>
4.0	Pendahuluan	66
4.1	Profil Demografi Responden	66
4.2	Masalah Disiplin Pelajar Berisiko	76
4.3	Teknik Berasaskan Teori Kaunseling	81
4.4	Kaedah Intervensi bagi Pelajar Berisiko	89
4.5	Ringkasan	97
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>99</b>
5.0	Pendahuluan	99
5.1	Masalah Disiplin Pelajar Berisiko	99
5.2	Teknik Berasaskan Teori Kaunseling	103
5.3	Kaedah Intervensi bagi Pelajar Berisiko	110
5.4	Kesimpulan	113
5.5	Implikasi	115
	5.5.1 Implikasi Teoritikal	115
	5.5.2 Implikasi Praktikal	115
5.6	Cadangan	116
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	118
5.8	Penutup	119
	<b>RUJUKAN</b>	<b>121</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>135</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>147</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Pecahan saiz sampel berdasarkan kaedah persampelan rawak berlapis mengikut jumlah sekolah di Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)	55
3.2	Taburan item soal selidik mengikut aspek kajian	57
3.3	Taburan item dalam Bahagian B mengikut subdimensi	58
3.4	Perincian skala likert lima mata dalam Bahagian C	59
3.5	Taburan item dalam Bahagian D mengikut subdimensi	59
3.6	Nilai kesahan kandungan bagi instrumen kajian	60
3.7	Nilai kebolehpercayaan bagi instrumen kajian	63
4.1	Taburan responden mengikut umur	66
4.2	Taburan responden mengikut jantina, bangsa, agama dan status perkahwinan	67
4.3	Taburan responden mengikut pendidikan tertinggi dan pengkhususan	69
4.4	Taburan responden mengikut tahun mula berkhidmat dan tempoh perkhidmatan sebagai guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa	70
4.5	Taburan responden mengikut status sebagai Kaunselor Berdaftar	72
4.6	Taburan responden mengikut status pemegang Perakuan Amalan	73
4.7	Bilangan Guru Bimbingan dan Kaunseling dan bilangan pelajar di sekolah	75
4.8	Taburan masalah disiplin bagi tingkah laku jenayah yang ditangani oleh responden	76

4.9	Taburan masalah disiplin bagi tingkah laku lucah yang ditangani oleh responden	77
4.10	Taburan masalah disiplin bagi tingkah laku musnah yang ditangani oleh responden	78
4.11	Taburan masalah disiplin bagi tingkah laku tidak jujur yang ditangani oleh responden	79
4.12	Taburan masalah disiplin bagi tingkah laku tidak sopan yang ditangani oleh responden	80
4.13	Taburan min dan sisihan piawai mengikut dimensi teknik berasaskan teori kaunseling	81
4.14	Taburan min dan sisihan piawai mengikut pendekatan psikoanalitik atau psikodinamik	82
4.15	Taburan responden berdasarkan skala likert mengikut pendekatan psikoanalitik atau psikodinamik	83
4.16	Taburan min dan sisihan piawai mengikut pendekatan humanistik	84
4.17	Taburan responden berdasarkan skala likert mengikut pendekatan humanistik	85
4.18	Taburan min dan sisihan piawai mengikut pendekatan tingkah laku	85
4.19	Taburan responden berdasarkan skala likert mengikut pendekatan tingkah laku	86
4.20	Taburan min dan sisihan piawai mengikut pendekatan kognitif	87
4.21	Taburan responden berdasarkan skala likert mengikut pendekatan kognitif	88
4.22	Taburan min dan sisihan piawai mengikut dimensi kaedah intervensi bagi pelajar berisiko	89
4.23	Taburan min dan sisihan piawai mengikut kaedah individu	90
4.24	Taburan responden berdasarkan skala likert mengikut kaedah individu	91

4.25	Taburan min dan sisihan piawai mengikut kaedah kelompok	91
4.26	Taburan responden berdasarkan skala likert mengikut kaedah kelompok	92
4.27	Taburan min dan sisihan piawai mengikut kaedah perundingan atau konsultasi	93
4.28	Taburan responden berdasarkan skala likert mengikut kaedah perundingan atau konsultasi	93
4.29	Taburan min dan sisihan piawai mengikut kaedah rujukan	94
4.30	Taburan responden berdasarkan skala likert mengikut kaedah rujukan	95
4.31	Taburan min dan sisihan piawai mengikut kaedah projek khas	96
4.32	Taburan responden berdasarkan skala likert mengikut kaedah projek khas	97

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Hierarki Keperluan Maslow	35
2.2	Model <i>Bandura's Triadic Reciprocal Determinism</i>	41
2.3	Model Komprehensif Kaunseling Sekolah	44
2.4	Kerangka Teoritikal Kajian	46
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	48

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
3.1	Inventori Penggunaan Teknik dan Intervensi Kaunseling (IPTIK)	135
3.2	Senarai Panel bagi Pengesahan Kandungan Instrumen Kajian	144
3.3	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia	145
3.4	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan daripada Jabatan Pelajaran Selangor	146

## SENARAI SINGKATAN

AIDS	<i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i>
ASCA	<i>American School Counselor Association</i>
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
GBK	Guru Bimbingan dan Kaunseling
GBKSM	Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa
HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
IAB	Institut Aminuddin Baki
IPTIK	Inventori Penggunaan Teknik dan Intervensi Kaunseling
KB	Kaunselor Berdaftar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
N	Populasi
PA	Perakuan Amalan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PROSTAR	Program Sihat Tanpa AIDS untuk Remaja
PRS	Pembimbing Rakan Sebaya
sp	sisihan piawai
TESL	<i>Teaching English as Second Language</i>



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang perkara asas yang berkaitan dengan kajian yang meliputi latar belakang kajian. Pengkaji juga membincangkan pernyataan masalah berkaitan dengan penggunaan teknik dan intervensi kaunseling dalam menangani pelajar berisiko di sekolah menengah. Seterusnya, pengkaji menyatakan objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi operasional. Persoalan kajian pula dibentuk untuk membantu pengkaji mencapai objektif kajian ini.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sektor pendidikan di Malaysia sedang berusaha ke arah mencapai status pendidikan bertaraf dunia. Pelbagai transformasi secara dinamik telah dirancang melalui pelbagai dasar dan program untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia dan antarabangsa dalam abad ke-21. Usaha ke arah matlamat ini sama sekali tidak mengabaikan pembangunan sahsiah pelajar. Elemen dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mementingkan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sentiasa diberikan penekanan dalam setiap dasar dan program yang telah direncanakan.

Kaunseling merupakan salah satu bidang yang telah dikenalpasti mampu menjadi pemangkin dalam perkembangan dan pertumbuhan potensi pelajar dan seluruh komuniti sekolah. Penubuhan perkhidmatan ini adalah bersesuaian dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang seimbang dan harmonis yang bukan sahaja kaya dengan ilmu pengetahuan bahkan berakhlak mulia serta bertanggungjawab dan memberi sumbangan kepada masyarakat. Selari dengan kepentingan itu, perkhidmatan kaunseling perlu diadakan di setiap peringkat pendidikan kerana keperluan dan kehendak pelajar adalah berbeza pada peringkat pendidikan yang berbeza (Zunker, 2002).

Seiring dengan perkembangan zaman, kaunseling turut berkembang di Malaysia dan telah mengalami pelbagai penambahbaikan demi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberi mencapai mutu yang boleh dibanggakan. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang wujud di sekolah pada hari ini berakar umbi daripada perkhidmatan bimbingan di sekolah menengah yang mula diperkenalkan pada tahun 1939 dengan memberi tumpuan penuh terhadap panduan kerjaya. Sejak dari itu, perkhidmatan ini telah mengalami

kemajuan pesat dan terus berkembang di bawah kendalian guru bimbingan dan kaunseling yang bertindak sebagai kaunselor sekolah.

Martabat profesion kaunseling ini terus diangkat dan diakui kepentingannya apabila Kementerian Pelajaran Malaysia meluluskan perlantikan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) bermula pada tahun 1996. Serentak dengan perlantikan tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggariskan 26 bidang tugas yang perlu dilaksanakan oleh guru bimbingan dan kaunseling merangkumi tujuh bidang utama iaitu akademik, kerjaya, psikosial dan kesejahteraan mental, keibubapaan, pembangunan diri, pendidikan pencegahan dadah/rokok/inhalan dan HIV/AIDS serta pengurusan dan pentadbiran (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2010a). Langkah ini telah memastikan perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang lebih khusus dan menyeluruh di sekolah.

Sehubungan itu, intervensi kaunseling dalam bidang yang sungguh luas ini amat memerlukan penggunaan teknik yang teratur, sistematik dan berkesan untuk menjamin kelancaran dan kesempurnaan tugas. Othman Mohamed (2005) menyatakan bahawa guru bimbingan dan kaunseling terlibat dalam kehendak proses pengurusan yang memerlukan keupayaan untuk mengubah sesuatu idea yang abstrak kepada suatu rancangan yang realistik. Ini bermakna, idea dan perancangan untuk menyalurkan bantuan kepada para pelajar akan dapat direalisasikan dengan penggunaan teknik terutamanya teknik-teknik berasaskan teori kaunseling dan kaedah-kaedah intervensi yang mempunyai langkah-langkah tertentu bermula dengan peringkat perancangan sehinggalah ke peringkat penyampaian intervensi dan kemudiannya penilaian semula intervensi yang telah diberikan bagi tujuan penambahbaikan.

Selain itu, intervensi kaunseling boleh direalisasikan dengan cara melaksanakan program-program bimbingan dan kaunseling yang dapat membimbing, memberi maklumat, mengenalpasti kebolehan diri, melakukan perubahan, membuat keputusan, menentukan matlamat dan seterusnya mencapai matlamat tersebut (Othman Mohamed, 2005). Pendek kata, intervensi kaunseling memenuhi sifatnya yang berorientasikan perkembangan, pemulihan dan pencegahan yang berupaya melahirkan pelajar yang kukuh jati dirinya dalam menghadapi cabaran hidup semasa sama ada di persekitaran sekolah mahupun di luar sekolah.

Hal ini adalah sangat penting kerana pelajar sekolah yang sedang meniti alam remaja pada hari ini ialah golongan yang bakal mewarnai pentas pembangunan negara dan penentu kepada jatuh bangun generasi akan datang. Namun begitu, terlalu banyak rungutan yang memperkatakan tentang kenakalan remaja yang terlibat dengan pelbagai aktiviti yang kurang sihat seperti gejala sosial dan perlakuan jenayah sehingga menyebabkan mereka cenderung untuk melakukan pelbagai salah laku disiplin di sekolah (Sharkey & Fenning, 2012; Chin, Dowdy, Jimerson, & Jeremy, 2012; Hawken, O'Neill, & MacLeod, 2011; Nik, Zaleha, & Sahari, 2010; Syed Ismail, 2007; Rokiah Ismail, 2000a; 2000b).

Kecenderungan ini berpunca daripada pelbagai faktor yang menyebabkan pelajar tersebut dianggap sebagai berisiko iaitu (1) faktor berkaitan dengan sekolah yang meliputi organisasi sekolah, iklim sekolah, sistem pengajaran, kandungan kurikulum dan budaya guru; (2) faktor yang berkaitan dengan pelajar itu sendiri termasuklah konsep sendiri pelajar, aspirasi dan jangkaan pelajar terhadap masa hadapannya serta kepercayaan terhadap keupayaan akademik mereka; (3) faktor berkaitan komuniti termasuklah pandangan masyarakat terhadap pelajar berisiko dan kerjasama masyarakat dengan pihak sekolah; serta (4) faktor berkaitan dengan keluarga termasuklah status sosioekonomi, aspirasi dan jangkaan ibu bapa terhadap anak-anak serta kesungguhan ibu bapa untuk menerima hakikat bahawa anak mereka merupakan pelajar berisiko (Ab. Rahim Bakar, 2008).

Menurut Costenbader dan Markson (1998) serta Dupper (1998), remaja belum mampu berfikir dengan rasional dan mereka tidak boleh didampingi dengan kekerasan, terlalu berdisiplin, menggunakan kuasa serta menyalahkan mereka apabila melakukan perbuatan yang salah. Kekerasan hanya akan menyebabkan remaja berasa dirinya tidak disayangi dan ditentang. Malah, Sabri Mohamad Sharif (1997) dalam rencananya yang bertajuk 'Kaunseling Cara Terbaik Atasi Masalah Belia' menekankan bahawa manusia itu terbina atas dua sifat yang tidak dapat dipisahkan iaitu lupa (nesiya) dan lalai (ghatlah). Oleh sebab itulah manusia sentiasa memerlukan bimbingan dalam menjalani kehidupan. Justeru, intervensi kaunseling dilihat sebagai salah satu alternatif yang dapat memberi bimbingan kepada pelajar dan membantu menyelesaikan masalah disiplin dengan memberi penekanan terhadap aspek psikologi dalam usaha mengubah tingkah laku negatif.

Intervensi kaunseling mengambil berat akan kenyataan bahawa walaupun pelajar berisiko mempunyai persamaan dari segi tingkah laku antisosial, masih terdapat perbezaan di antara mereka terutamanya dari segi latar belakang budaya dan sosioekonomi. Latar belakang budaya dan sosioekonomi mampu mempengaruhi tingkah laku pelajar dan seringkali menjadi faktor penyumbang kepada salah laku disiplin di sekolah. Dengan itu, pelbagai strategi perlu dirangka, dirancang dan dilaksanakan bagi memberikan intervensi yang paling berkesan dalam usaha untuk membantu mereka. Strategi tersebut bukanlah bersifat tetap atau *rigid* tetapi bersesuaian dengan sifat manusia yang unik dan tidak sama di antara satu individu dengan individu yang lain. Ciri-ciri fleksibel inilah yang menjadikan intervensi kaunseling sebagai satu profesion yang istimewa.

Melalui intervensi yang dijalankan oleh guru bimbingan dan kaunseling, pelajar dapat dibantu untuk memperkembangkan tanggungjawab membuat keputusan dan perancangan masa depan. Walau bagaimanapun, kaedah dan teknik kaunseling yang bagaimanakah paling sesuai untuk mendepani segala isu dan halangan dalam memastikan pelajar dapat menjalani kehidupan dan pembelajaran yang berkualiti tanpa terjebak dalam salah laku disiplin? Jawapannya mungkin berbeza bagi setiap guru bimbingan dan kaunseling yang

mempunyai pengalaman, latar belakang pendidikan dan budaya yang berlainan. Kepelbagaian ini memberikan variasi dalam pendekatan mereka semasa menjalankan intervensi kaunseling. Malah kaunselor yang proaktif dan kreatif turut mempunyai gaya kaunseling yang unik dan tersendiri dalam usaha mereka untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Menurut Schmidt (2003), asas yang menjamin keberkesanan kaunselor ialah kelayakan dan latihan dalam bidang kaunseling. Namun begitu, intervensi kaunseling yang mantap dapat menyerlahkan lagi nilai sebenar sesebuah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Intervensi kaunseling yang berkesan boleh diperolehi daripada kaunselor yang mempunyai ciri-ciri seperti yang dicadangkan oleh *American School Counselor Association* (ASCA). Institusi ini menyatakan kaunselor sekolah perlu mempunyai kemahiran dalam menangani keperluan peribadi, sosial dan kerjaya pelajar yang secara langsung memberi kesan terhadap kejayaan akademik. Kaunselor sekolah juga perlu berupaya untuk melaksanakan program-program yang membantu sekolah untuk mencapai misi kejayaan dalam bidang akademik tanpa mengabaikan keperluan para pentadbir, guru-guru, ibu bapa dan masyarakat (*American School Counselor Association* [ASCA], 2005).

Bagi memberikan penjelasan yang lebih tepat tentang peranan kaunselor dalam memacu kejayaan pelajar, ASCA telah membina satu kerangka kerja yang komprehensif yang dinamakan sebagai *ASCA National Model*. Model ini memiliki empat kuadran iaitu kuadran asas (foundation), kuadran penyampaian (delivery), kuadran pengurusan (management) dan kuadran akauntabiliti (accountability). Keempat-empat kuadran ini saling menyokong antara satu sama lain untuk memastikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat memberi faedah yang paling maksimum kepada pelajar.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Sejak beberapa tahun yang lepas, negara telah mencatatkan peningkatan kadar jenayah dalam kalangan pelajar. Pada masa yang sama, masalah salah laku disiplin dalam kalangan pelajar terus meningkat. Statistik daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (2010b) menunjukkan sebanyak 72,557 orang pelajar sekolah menengah terbabit dalam pelbagai salah laku disiplin pada tahun 2010. Antara kes salah laku yang sering dilakukan termasuklah jenayah (17,595 kes), ponteng sekolah (19,545 kes), kelakuan kurang sopan (18,346 kes), kekemasan diri (21,384 kes), tidak mementingkan masa (17,808 kes), kelucahan (3,031 kes), vandalisme (5,212 kes) dan kenakalan (8,563 kes). Statistik ini dapat menggambarkan kejadian salah laku disiplin yang berlaku di sekolah dan membuktikan tentang kewujudan pelajar berisiko yang perlu ditangani oleh semua warga sekolah. Statistik ini juga secara tidak langsung dapat mencabar kredibiliti guru bimbingan dan kaunseling serta keupayaan mereka dalam memberikan intervensi yang berkesan boleh dipersoalkan.

Sehubungan dengan itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang diuruskan oleh guru bimbingan dan kaunseling di sekolah tidak lagi boleh bersifat reaktif tetapi perlu menjadi proaktif, preventif dan komprehensif dalam menguruskan intervensi kaunseling bagi pelajar berisiko. Ciri-ciri perkhidmatan sedemikian menggalakkan kolaborasi antara kaunselor dengan guru-guru, ibu bapa, para pentadbir dan anggota masyarakat dalam usaha memberikan intervensi yang mempunyai impak positif kepada pelajar (ASCA, 2005).

Baker dan Gerler (2001) mendapati hukuman fizikal, penalti dan pelbagai bentuk hukuman disiplin yang lain kurang membantu pelajar berisiko berbanding bimbingan dan panduan yang diberikan oleh kaunselor melalui intervensi kaunseling. Dengan kata lain, mereka sebenarnya memerlukan seseorang yang mampu mendengar dan memahami masalah serta punca mereka bertingkah laku negatif. Melalui intervensi kaunseling, pelajar berisiko dapat dibantu untuk memperbaiki diri dan hidup mereka sekaligus mengelakkan mereka daripada mengulangi tingkah laku yang sama.

Justeru itu, guru bimbingan dan kaunseling perlu bersedia untuk memenuhi tuntutan ini dengan memberikan intervensi yang bersesuaian pada peringkat pertumbuhan dan perkembangan remaja. Keadaan ini perlu difahami sebaiknya untuk memastikan kaedah dan teknik yang digunakan adalah bertepatan dengan situasi dan keadaan pelajar. Kajian lepas mendapati teknik, kaedah dan program-program yang menekankan pendekatan tingkah laku (Chin, Dowdy, Jimerson, & Jeremy, 2012; Hawken, O'Neill, & MacLeod, 2011), pendekatan kognitif (Sharkey & Fenning, 2012) dan pendekatan humanistik (Brigman, Villares, & Webb, 2011a) adalah berkesan dalam menangani salah laku disiplin pelajar.

Guru bimbingan dan kaunseling di Malaysia juga mempunyai pilihan teknik dan pendekatan yang tersendiri berdasarkan kemahiran dan pengalaman masing-masing. Kekerapan kaedah intervensi seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok, perundingan atau konsultasi, rujukan dan program-program khas yang dipraktikkan juga mungkin berbeza antara satu sama lain. Namun, yang pasti mereka tidak boleh mengabaikan aspek infrastruktur yang lengkap dan diuruskan dengan baik kerana aspek ini bertindak sebagai penyokong dalam proses menolong antara kaunselor dan klien selain dapat mewujudkan suasana terapeutik (Nazariah & Fauziah, 2008). Oleh itu, penggunaan kaedah intervensi dan teknik berasaskan teori kaunseling bukan sahaja penting dalam meningkatkan keberkesanan intervensi malah penting dalam membentuk persepsi positif terhadap perkhidmatan dan sekaligus menggalakkan pelajar untuk mendapatkan bantuan daripada guru bimbingan dan kaunseling.

Oleh kerana intervensi kaunseling merupakan salah satu intervensi yang menjadi pilihan dalam usaha membantu pelajar berisiko, maka kajian seperti ini adalah wajar dijalankan untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang aspek penggunaan teknik dan intervensi kaunseling terutamanya dari segi teknik berasaskan teori kaunseling, kaedah intervensi dan masalah disiplin pelajar

berisiko yang pernah ditangani oleh guru bimbingan dan kaunseling. Pengkhususan kajian intervensi kaunseling juga perlu dilakukan bagi pelajar berisiko untuk mengenalpasti teknik dan kaedah yang digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling dalam usaha mereka membantu mengubah pelajar berisiko ke tahap yang lebih baik dari segi kognitif, afektif dan tingkah laku.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus.

#### **1.3.1 Objektif Umum**

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenalpasti penggunaan teknik dan intervensi kaunseling dalam menangani pelajar berisiko melalui dua aspek iaitu aspek teknik berasaskan teori kaunseling dan aspek kaedah intervensi yang digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling dalam menangani pelajar berisiko di sekolah menengah.

#### **1.3.2 Objektif Khusus**

Kajian ini juga mempunyai tiga objektif khusus iaitu:

1. Untuk mengenalpasti masalah disiplin pelajar berisiko yang pernah ditangani oleh guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah;
2. Untuk mengenalpasti teknik berasaskan teori kaunseling yang digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling untuk membantu pelajar berisiko di sekolah menengah; dan
3. Untuk mengenalpasti kaedah intervensi yang digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling untuk membantu pelajar berisiko di sekolah menengah.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan kajian berikut:

1. Apakah masalah disiplin pelajar yang paling banyak pernah ditangani oleh guru bimbingan dan kaunseling?
2. Apakah teknik berasaskan teori kaunseling yang paling kerap digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling dalam intervensi pelajar berisiko di sekolah menengah?
3. Apakah kaedah intervensi yang paling kerap digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling bagi membantu pelajar berisiko di sekolah menengah?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Intervensi kaunseling yang berjaya ialah intervensi yang dapat mengubah pelajar daripada tidak baik menjadi baik dan yang baik menjadi lebih baik dari segi intelek, emosi, rohani, jasmani dan spiritual. Situasi ini menjadikan intervensi kaunseling sebagai salah satu faktor yang membantu arah tuju kehidupan mereka. Oleh yang demikian, kualiti intervensi kaunseling perlu dipelihara demi menjamin keberkesanannya.

Kajian ini diharapkan dapat memberi input atau menjadi bahan pengetahuan baru kepada pihak pentadbiran atasan khususnya di Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian di Kementerian Pelajaran Malaysia tentang penggunaan teknik dan intervensi kaunseling dalam menangani pelajar berisiko yang dijalankan oleh guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah. Dengan itu, penilaian dan penambahbaikan boleh dilakukan bagi memastikan guru bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar berisiko berubah kepada individu yang lebih baik dan berjaya dalam sistem persekolahan.

Di samping itu, dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pelbagai pihak terutamanya Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri dalam mengenalpasti dan menentukan strategi intervensi yang berkesan dalam usaha membanteras kejadian salah laku disiplin di sekolah. Situasi ini bukan sahaja akan menjadikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling lebih efisien dalam usaha mencapai visi dan misi perkhidmatannya, malah akan memberi manfaat terhadap pengurusan disiplin sekolah secara keseluruhan.

Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu pihak perancang dan pembuat dasar untuk mengenalpasti keperluan pembangunan profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling dengan menyediakan kurikulum, prasarana, bantuan, sokongan, aktiviti, latihan, kursus atau program yang bersesuaian untuk meningkatkan lagi kemahiran penggunaan teknik dan prestasi intervensi yang sedia ada pada ketika ini.

Selain itu, guru bimbingan dan kaunseling boleh menggunakan instrumen kajian ini untuk melakukan semakan dan menilai penggunaan teknik berasaskan teori kaunseling serta kaedah intervensi yang digunakan kepada pelajar berisiko dari semasa ke semasa. Dengan ini, guru bimbingan dan kaunseling akan dapat mengenalpasti kelemahan dan kekurangan yang wujud dalam penggunaan teknik dan intervensi mereka. Maka, kajian ini boleh dianggap sebagai permulaan dalam usaha mewujudkan intervensi kaunseling yang paling efektif di Malaysia dalam menangani pelajar berisiko.

Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi perspektif baru kepada guru bimbingan dan kaunseling untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam menjalankan intervensi kaunseling. Hal ini kerana kajian ini boleh membantu guru bimbingan dan kaunseling memahami tentang teknik berasaskan teori

kaunseling dan kaedah intervensi yang digunapakai oleh guru bimbingan dan kaunseling di sekolah lain. Dengan cara ini, mereka akan mendapat gambaran jelas tentang intervensi kaunseling yang diberikan kepada pelajar berisiko dan boleh melakukan penambahbaikan terhadap kualiti penggunaan teknik dan kaedah intervensi mereka.

Walau bagaimanapun, perkara ini tidak dapat diwujudkan seandainya tiada sokongan daripada pihak pentadbiran sekolah dan kakitangan yang lain. Oleh itu, dapatan kajian ini memberi peluang terbaik kepada komuniti sekolah untuk memahami konsep intervensi kaunseling di sekolah dan secara tidak langsung dapat bersama-sama dengan guru bimbingan dan kaunseling untuk membantu pelajar berisiko.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini memberikan maklumat penting dalam bidang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan dapat dijadikan sumber rujukan dalam penggunaan teknik dan intervensi kaunseling terutamanya dalam menangani masalah pelajar berisiko pada masa hadapan. Dapatan kajian ini juga mampu menambahkan lagi koleksi penyelidikan di samping menjadi bahan dan sumber rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain sekaligus dapat memperkayakan budaya ilmu dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Maka, adalah diharapkan usaha kecil ini akan dapat membantu dalam usaha merealisasikan visi perkhidmatan iaitu untuk menjadi peneraju utama dalam mewujudkan suasana terapeutik dan kondusif di sekolah menjelang tahun 2015.

### **1.6 Limitasi Kajian**

Setiap kajian mempunyai had dan batasannya yang tersendiri. Dalam kajian ini, beberapa batasan kajian telah dikenalpasti. Kajian ini hanya memberi fokus kepada guru bimbingan dan kaunseling yang berkhidmat di sekolah menengah kebangsaan yang mana sistem pengurusan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mungkin berbeza daripada sekolah menengah berasrama penuh, sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah menengah teknik dan juga sekolah menengah jenis kebangsaan. Oleh itu, hasil dapatan kajian tidak dapat digunakan untuk membuat rumusan ke atas guru bimbingan dan kaunseling yang tidak berkhidmat di sekolah menengah kebangsaan.

Di samping itu, kajian ini melibatkan guru bimbingan dan kaunseling yang datang dengan pelbagai latar belakang akademik dan tempoh perkhidmatan selain mempunyai variasi dari segi status Kaunselor Berdaftar dan Perakuan Amalan. Maka, kajian ini tidak dapat memberikan perbezaan penggunaan teknik berasaskan teori kaunseling dan kaedah intervensi dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling tersebut kerana kajian ini tidak memberi fokus terhadap perbezaan latar belakang dan status yang wujud antara guru bimbingan dan kaunseling.



Kajian ini juga terbatas kepada pengumpulan data berkaitan dengan intervensi kaunseling bagi pelajar berisiko sahaja. Sebarang justifikasi untuk menggunakan dapatan yang diperolehi bagi membuat generalisasi terhadap intervensi kaunseling bagi pelajar-pelajar lain seperti pelajar yang tidak pernah terlibat dalam salah laku disiplin tetapi menggunakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, adalah tidak wajar dan tidak tepat.

Selain itu, penilaian terhadap intervensi kaunseling bagi pelajar berisiko dilakukan menerusi borang soal selidik yang diedarkan. Maklum balas yang diberikan oleh responden hanya terbatas kepada soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Justeru itu, terdapat kemungkinan responden mempunyai strategi, teknik dan kaedah intervensi kaunseling yang tersendiri tetapi tidak dimasukkan dalam senarai tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini hanya membataskan dapatan mengikut instrumen kajian yang dibina.

Respon terhadap soalan yang terkandung dalam borang soal selidik pula adalah berbentuk laporan sendiri ataupun *self-report*. Dengan kata lain, kajian ini hanya mengambil kira pandangan guru bimbingan dan kaunseling dan tidak meliputi pandangan pihak pentadbir sekolah, guru-guru dan kakitangan lain serta golongan pelajar. Oleh yang demikian, ketepatan dan kesahihan hasil kajian sangat bergantung kepada kefahaman, kesungguhan dan kejujuran responden semasa menjawab item-item yang disediakan.

## **1.7 Definisi Konsep dan Operasional**

### **1.7.1 Teknik Berasaskan Teori Kaunseling**

Teknik merupakan salah satu daripada faktor intervensi terapeutik (Tannena & Danielsb, 2010). Menurut Sommers-Flanagan dan Sommers-Flanagan (2004), teknik kaunseling merujuk kepada strategi. Thompson (2003) juga mempunyai pandangan yang sama seperti Sommers-Flanagan dan Sommers-Flanagan (2004) dengan merujuk teknik sebagai strategi yang menjadi pilihan kaunselor dan boleh diperolehi daripada pelbagai sumber.

